

ACZ 2287
✓ Subject

(2)

MUDĀRABAH: KONSEP DAN PEMAKAINNYA DALAM INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA

YUSOF BIN RAMLI

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SYARIAH**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya




A511205724

PENGAKUAN

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

2 hb. Jamadil Awal 1424
2 hb. Julai 2003


Yusof bin Ramli

PENGHARGAAN

al-Hamdu liLah, saya bersyukur kepada Allah S. W. T. kerana dengan tawfiq, hidayah dan ‘fnayahnya serta kesabaran yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Salawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w, keluarganya serta para sahabatnya.

Dalam usaha menyiapkan kajian ini saya banyak terhutang budi kepada yang berbahagia profesor Dr. Abdullah @ Alwi Haji Hassan selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan serta teguran kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan. Kepada beliau saya ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih .

Dalam kesempatan ini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, khususnya kepada Dato’ Pengarah, Timbalan Pengarah Bahagian Ijazah Tinggi, Ketua dan kakitangan Jabatan Syariah dan Ekonomi.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Pendaftar dan kaki tangan Am Bahagian Pembangunan Staff UiTM; Ustaz Muhammad Bakir Haji Mansor, setiausaha Majlis Pengawasan Syariah BIMB; Ustaz Abdul Ghani Endut, Pegawai Syariah BIMB, Kuala Lumpur; Encik Faizul bin Sharudin, Pegawai Pelaburan Syarikat Takaful Malaysia; Ustaz Salehuddin bin Yaacob, Setiausaha Badan Pengawasan Syariah Bank Rakyat, Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi , Kuala Lumpur; Encik Azman Ahmad, Pegawai Operasi Bank Rakyat Cawanagn Shah Alam ; Syed Azman , Ketua Operasi Perbankan Islam Perwira Affin Bank. Juga ucapan terima kasih saya rakamkan kepada teman-teman pensyarah Pusat

Pendidikan Islam UiTM, Shah Alam , khususnya kepada Ustaz Mohd. Rahimi Osman, Ustaz Gafarullahuddin bin Haji Din dan Ustaz Izani Yaacob atas jasa baik mereka meminjamkan kepada saya buku-buku rujukan dan majalah-majalah yang berkaitan dengan kajian ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perpustakaan Universiti Islam Antara Bangsa, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara, Perpustakaan Mesjid Negeri, Shah Alam, kakitangan Bank Negara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat , Lembaga Tabung Haji, Syarikat Takaful Malaysia dan Perwira Affin Bank.

Di atas sumbangan dan jasa baik semua pihak di atas, saya hanya berupaya mengucapkan ribuan terima kasih dan memohon balasan baik dari Allah buat mereka semua.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas tentang pandangan ahli-ahli *fiqh* dari berbagai mazhab *Sunnī* mengenai kontrak *muḍārabah* iaitu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan kontrak, sifat kontrak, pihak-pihak yang boleh terlibat dalam kontrak berkenaan, sifat modal, agihan keuntungan, tanggungan kerugian, penyelesaian pertikaian antara pihak yang berkontrak dan pembubaran *muḍārabah*; mengenal pasti antara pandangan *fuqahā'* yang lebih sesuai dengan keadaan semasa. Kajian juga cuba menilai setakat mana kesesuaian *muḍārabah* untuk diguna pakai dalam pengurusan kewangan moden serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan *muḍārabah* tidak dapat dilaksanakan dengan meluas dalam pembekalan modal untuk membiayai aktiviti perekonomian, khususnya dalam kegiatan ekonomi pada skala yang besar.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kontrak *muḍārabah* adalah suatu kontrak *mu'āwadah* iaitu kontrak yang ada balasan bukan *tabarru'*, sukarela. *Fuqahā'* sepakat bahawa harta modal *muḍārabah* di tangan *muḍārib* adalah berupa harta amanah di bawah jagaannya. Sebarang kerugian, kerosakan atau kehilangan tidak dipertanggungjawabkan kepadanya. Faktor ini amat mempengaruhi pemilik modal membuat keputusan untuk menyertai atau tidak menyertai kontrak *muḍārabah*. Pemilik modal yang tidak yakin di atas keamanahan dan kepastian *muḍārib* tidak akan bersedia untuk menyerahkan modal miliknya untuk dipergunakan secara *muḍārabah*.

Dari segi teorinya, *mudārabah* secara berkelompok kelihatan lebih praktikal untuk dipakai dalam institusi kewangan moden kerana ia boleh menyumbangkan sejumlah modal yang besar bagi melaksanakan projek perekonomian. Namun ketiadaan *damān mudārib* menjadi satu faktor utama menyebabkan berlaku kesangsian di pihak institusi kewangan untuk mlepaskan wang di tangan mereka untuk dipergunakan oleh *mudārib*. Ini terbukti dengan kecilnya jumlah pembiayaan pelanggan yang dibuat secara *mudārabah* dalam institusi kewangan di Malaysia. Dalam pada itu perniagaan yang dibuat oleh pihak penerima modal secara *mudārabah* itu pula kebiasaannya dilakukan dalam aktiviti perniagaan secara *murābahah, bay' al-īnah*, memegang gadai dan aktiviti-aktiviti perniagaan melalui kontrak lain yang hampir terjamin dari segi keselamatan modal dan keuntungannya. Kerana itu, didapati kebanyakan pembiayaan modal secara *mudārabah* adalah berlaku dalam Mudharabah Antara Bank, Mudharabah Khas dan dalam Sistem Pejelasan Cek Antara Bank. Didapati juga bahawa institusi kewangan Islam lebih bersedia untuk menerima deposit daripada pelanggan mereka secara *mudārabah* iaitu dengan menjanjikan sebahagian keuntungan untuk mereka. Manakala perniagaan yang dilakukan oleh bank ke atas wang deposit itu pula adalah dibuat secara bebas, tidak dilakukan secara *mudārabah* juga kerana mahu mengelakkan risiko kerugian yang hanya akan ditanggung oleh institusi kewangan sebagai pemilik modal, jika ianya berlaku.

ABSTRACT

This research aims to give a better understanding on the views of *fuqaha'* (jurist) from the various *Sunni* school of thought on contracts under *mudārabah* such as on the implementation of contract, characteristics of contract, related parties in the contract, characteristics of investment, distribution of profit, loss incidences, solutions on dispute among the related parties in the contract and dissolution of contract; and identification of suitable views under *fuqahā'* for the current time. The research also tried to evaluate the extent of the suitability of *mudārabah* to be used in modern financial management and to identify the negative factors that have prevented *mudārabah* from being widely implemented to acquire investment for economic funding, especially in large scale economic activities.

The research shows that the *mudārabah* contract is a *mu'awadah contract*, that is, a contract that has a non *tabarru'*. *Fuqahā'* unanimously agree that the *mudārabah* capital/investment is the fund under the *mudārib*'s custody. Any loss or damage is not its responsibility. This factor influenced capital owners or investors to make the decision to either participate or not participate in the *mudārabah* contract. Thus, investors who were uncertain on the honesty and expertise of *mudārib* would not invest their capital under *mudārabah*.

Theoretically, *mudārabah* in a group deemed more practical to be used in modern financial institutions because it could generate a large sum of capital that could be used in funding economic projects. However, without the important factor, *damān mudārib*, it would cause suspicion in the financial institution sector to invest their capital under *mudārib*. That was, why only a small portion of *mudārabah* in a customer financing involved in the financial institutions of Malaysia. However, those institutions which received the capital under *mudārabah* engaged themselves in business activities

such as *murābahah*, *bay' al-'inah*, mortgage and other investment activities that would ensure the safety of the capital and its profit. It was also found that most investments in *muqārahah* occurred in Inter-banking Mudharabah, Special Mudharabah and Inter-banking Cheque Clearing System. It was also found that the Islamic financial institutions were more ready to accept deposits from customers under *muqārahah*, by promising some profit for them. However, financial institutions, as investors and to avoid loss did not further invest the money under *muqārahah*.

ملخص البحث

يقدم هذا البحث آراء الفقهاء من مذاهب أهل السنة والجماعة حول القضايا عقد المضاربة المتعلقة ببناء العقد وصفته والتعاقددين وصفة رأس المال وتوزيع الربح وضمان الخسر وحل النزاع بين التعاقددين وفسخ المضاربة والتعرف على أفضل رأي من آراء الفقهاء المسابقة لظروف معاصرة. وهذا البحث يحاول أن يكشف عن قدر صلاحية استعمال المضاربة في المعاملات المالية المعاصرة، وكذلك لإدراك العوامل المانعة عن تفيذهما في تزويد رأس المال لإنجاح الأنشطة الاقتصادية خصوصاً في الأنشطة الاقتصادية الكثيفة.

ونتاج هذا البحث يشير إلى أن عقد المضاربة هو عقد معاوضة أي أنه عقد يقابله شيء وليس مجرد تبرعاً. اتفق الفقهاء على أن المضارب مسؤول بالمال المحفظ به وهو بريء من أي خسارة أو فساد أو ضياع حدث. وهذا العامل يؤثر على صاحب المال لاشتراكه في العقد أو بالعكس. واستعدادية صاحب المال تتعلق بشقته خواص الأمانة وأهلية المضارب في تجارة ماله مضاربة.

المضاربة الجماعية نظرية تبدو أنها صالحة لاستعمالها في المؤسسات المالية المعاصرة لأنها تقدم مبلغاً كبيراً لتنفيذ المشروعات الاقتصادية. ولكن عدم ضمان المضارب عامل من العوامل الرئيسية مما يؤدي إلى وهمة مؤسسات المالية لمنع أمواicism ليتجهوا للمضارب. وثبتت هذه القضية بقلة التمويل في هذا العقد في المؤسسات المالية في ماليزيا. وعادةً، المضارب يجري تجاريتهم عن طريق المراقبة وبيع العينة والرهن وأنشطة تجارية أخرى التي لها ضمان من حيث رأس المال وربحه. وعلى هذا الأساس نجد أكثر عمليات رأس المال مضاربة تكون في المضاربة بين البنوك

والمضاربة الخاصة وفي صرف الشيكات بين البنوك. وكذلك المؤسسات المالية الإسلامية تكون في أحسن استعداد لأنخذ رأس المال من زبائنها مضاربة مع الاتفاق في تقسيم الربح فيما بينهم. والبنوك الأخرى تتاجر المال حرية ولا تستعمل طريق المضاربة حذرا من الأخذ بمحاذفة الخسارة التي تحملها نفسها فحسب.

KANDUNGAN

Halaman

HALAMAN JUDUL.....	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK.....	v
ABSTRAK (INGGERIS).....	vii
ABSTRAK (ARAB)	ix
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xxii
SENARAI PERKATAAN ARAB YANG TIDAK DITERJEMAHKAN.....	xxiv
SISTEM TRANSLITERASI	xxvi
PENDAHULUAN	xxviii

BAB I

MUDĀRABAH: PENSYARI 'ATAN DAN PEMBINAAN KONTRAK.

A. Pengertian <i>Mudārabah</i>	1
B. Latar Belakang Sejarah Pemakaian Kontrak <i>Mudārabah</i>	4
C. Asas Perundangan Dan Kepentingan <i>Mudārabah</i>	10
1. Asas perundangan <i>mudārabah</i>	10
2. Kepentingan <i>mudārabah</i>	17
D. Pembinaan Kontrak <i>mudārabah</i>	20

1. Rukun <i>mudārabah</i>	22
i. al-‘Āqidan	22
ii. Kerja	23
iii. Modal	23
iv. Untung	23
v. <i>Sighah</i>	24
2. Syarat <i>mudārabah</i>	24
2. 1 Syarat yang berkaitan dengan rukun <i>mudārabah</i>	30
2.1.1 Syarat pemilik modal	30
2.1.2 Syarat <i>mudārib</i> (pengusaha)	32
2.1.3 Syarat kerja	37
2.1.4 Syarat modal.....	39
2.1.5 Syarat untung	51
2.1.6 Syarat <i>Sighah</i>	55

BAB II

HUKUM MUDĀRABAH

A. Hukum <i>Mudārabah</i> Yang Sah	61
1. Sifat ‘aqad <i>mudārabah</i>	61
2. Implikasi kontrak <i>mudārabah</i> ke atas <i>mudārib</i>	66
2. 1. Dari segi kedudukan <i>mudārib</i>	66
2. 2. Tanggungjawab <i>mudārib</i>	71
2. 3. Hak <i>mudārib</i> mendapat saraan daripada harta <i>mudārabah</i>	75
3. Hukum <i>mudārabah</i> yang berkaitan dengan tindakan <i>mudārib</i>	90
3.1. <i>Mudārabah mutlaqah</i>	90

a.	<i>Mudārabah mutlaqah</i> yang telah menjadi ‘adat.	91
a. i.	Jualan dengan harga tangguh.	95
b.	<i>Mudārabah mutlaqah</i> bersama penyerahan mandat secara am.	99
i	Membuat kontrak <i>mudārabah</i> dengan pihak lain	101
ii.	Membuat kontrak syarikat dengan pihak lain	112
c.	<i>Mudārabah mutlaqah</i> bersama keizinan tertentu	114
i.	<i>Mudārib</i> berhutang untuk menambah modal	115
i. a.	Dengan kebenaran pemilik modal	115
i. b.	Tanpa kebenaran pemilik modal	117
ii.	<i>Mudārib</i> membuat pemberian <i>sadaqah</i> , <i>hibah</i> dan <i>qard</i>	123
3.2	<i>Mudārabah muqayyadah</i>	123
a.	Jenis <i>qayyid</i> dalam <i>mudārabah</i>	125
i.	<i>Qayyid</i> dari segi tempat	126
ii.	<i>Qayyid</i> dari segi masa	128
iii.	<i>Qayyid</i> dari segi jenis barang dan cara perniagaan	130
iv.	<i>Qayyid</i> dari segi menentukan orang yang bermu‘amalah dalam <i>mudārabah</i>	132
b.	<i>Qayyid</i> yang dibuat selepas akad	133
4.	Kerjasama dan transaksi antara pemilik modal dan <i>mudārib</i>	134
a.	Pemilik modal bekerja dalam pengurusan perniagaan <i>mudārabah</i>	134
b.	Jual beli antara pemilik modal dan <i>mudārib</i>	142
B.	Hukum <i>Mudārabah</i> Yang <i>Fāsid</i>	145
C.	Kedudukan <i>Mudārabah</i> Dalam Mu‘amalah Kehartaan	148

BAB III
PIHAK YANG BERKONTRAK, PEKERJAAN ,
AGIHAN KEUNTUNGAN DAN *DAMĀN*.

A. Hubungan Antara Pihak Yang Berkontrak Dalam <i>Mudārabah</i>	152
a. <i>Mudārabah</i> dua pihak	153
b. <i>Mudārabah</i> tiga pihak	163
(B.) Bidang Pekerjaan Yang Boleh Dibiayai Dengan Modal <i>Mudārabah</i>	170
B. I. <i>Mudārabah</i> dalam industri perkilangan	173
C. Pembahagian Keuntungan Dan Tanggungan Kerugian	184
1. Agihan keuntungan	185
1.1. Pembahagian keuntungan hanya dianggap muktamad setelah perniagaan tamat.....	188
1.2. Pengagihan untung dibuat sebelum perniagaan ditamatkan.	191
1.3. Penyerahan kembali modal kepada pemiliknya sebelum pembahagian untung dibuat.....	197
1.4. Penetapan untung jika pemilik modal mengambil kembali sebahagian daripada modal atau berlaku kerosakan ke atas sebahagian daripadanya.	200
a . Pemilik modal mengambil kembali sebahagian daripada modal ...	200
b . Rosak harta modal sebelum urusniaga dimulakan	202
1.5. Agihan keuntungan daripada modal yang didapati secara hutang.....	207
2. Tanggungan Kerugian	209
(D.) <i>Damān</i> Dalam Kontrak <i>Mudārabah</i>	213
1. Hukum <i>fiqh</i> berkaitan dengan <i>damān mudārabah</i>	215
a. Kesan Pengenaan syarat <i>damān</i>	217
b. <i>Damān mudārib</i>	219

c. <i>Damān mudārib</i> secara sukarela	221
(2) Beberapa cadangan untuk menjamin modal <i>mudārabah</i>	222
a. Menetapkan kadar keuntungan	223
b. Jaminan sukarela oleh pihak ketiga	226
c. Jaminan daripada <i>mudārib musyarakī</i>	227
3. Helah <i>damān mudārabah</i>	228
3.1. Komentar mengenai helah di atas	232
 BAB IV PENYELESAIAN PERTIKAIAN DAN PEMBUBARAN <i>MUDĀRABAH</i>	
A. Penyelesaian Pertikaian	244
1. Pertikaian mengenai kadar modal	245
2. Pertikaian mengenai kadar untung	246
3. Pertikaian mengenai jumlah modal dan kadar keuntungan	255
4. Pertikaian berkaitan dengan sifat modal	258
5. Pertikaian dari segi umum dan khusus kontrak <i>mudārabah</i>	261
6. Pertikaian mengenai <i>mutlaq</i> dan <i>muqayyad</i>	263
7. Pertikaian mengenai sah atau <i>fasad mudārabah</i>	265
B. Pembubaran <i>Mudārabah</i>	267
1. <i>Mudārabah</i> dibubarkan dengan kehendak salah satu pihak yang berkontrak	268
1.1 Penyelesaian harta modal yang berbentuk barang	272
2. Pembubaran <i>mudārabah</i> secara <i>ijbarī</i>	275
2.1 Pemilik modal meninggal dunia	277
2.2 <i>Mudārib</i> meninggal dunia	281

2.3 Salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak gila	286
2.4 Harta modal rosak	289
2.5 Murtad	294
2.6 Sekatan (<i>al-hajr</i>) ke atas salah satu pihak yang terlibat dalam kontrak <i>mudārabah</i>	297
2.7 Pemilik modal bankrap	299
2.8 Berakhirnya masa yang ditetapkan dalam <i>mudārabah</i> Bertempoh	300
 BAB V	
KESESUAIAN <i>MUDĀRABAH</i> DALAM	
INSTITUSI KEWANGAN SEMASA	
A. <i>Mudārabah</i> Sebagai Alternatif Dalam Mekanisme Pembekalan Modal	303
1. Hubungan <i>syar'i</i> antara pemilik modal dan institusi kewangan dalam kontrak	307
1.1 Bank berperanan sebagai <i>mudārib</i>	308
1.2 Bank berperanan sebagai pemilik modal	311
B. <i>Mudārabah Thuna 'iyyah</i> Tidak Memenuhi Keperluan Pelaburan Dalam Institusi Kewangan	313
C. <i>Mudārabah Musytarakah</i> Sebagai Suatu Pilihan	316
1. Pengenalan	316
2. Keperluan kepada <i>mudārabah musytarakah</i>	317
3. Pihak-pihak yang terlibat dalam <i>mudārabah musytarakah</i>	324
i. Pemilik-pemilik modal	325
ii. Kumpulan pengusaha niaga (<i>mudārib</i> pengusaha)	325
iii. <i>Mudārib</i> musytarik	326
4. Peringkat-peringkat pengurusan <i>mudārabah musytarakah</i>	327

5. Pengembangan daripada <i>mudārabah thunā'iyyah</i>	329
6. Objektif <i>mudārabah musytarakah</i>	332
i. Mengumpul dana	332
ii. Melabur	333
7. Agihan keuntungan dalam <i>mudārabah musytarakah</i>	334
i. Pembahagian keuntungan antara <i>mudārib musytarik</i> dan <i>mudārib pengusaha</i>	350
ii. Pembahagian keuntungan antara pemilik modal dan <i>mudārib musytarik</i>	351
8. Sumber pembiayaan <i>mudārabah musytarakah</i>	355
i. Simpanan pelaburan	356
ii. Bon atau <i>sanadat mudārabah</i>	356
iii. Gran <i>qard al-hasran</i>	359
iv. Pelaburan semula keuntungan oleh pemilik modal.....	361
v. <i>Mudārabah mudārib</i> musytarik dengan modalnya sendiri	361
vi. Akaun simpanan	362
9. Aktiviti pelaburan yang boleh dibuat dengan menggunakan kaedah <i>mudārabah musytarakah</i>	363
i. Pelaburan dalam bentuk syarikat	364
a. Berkongsi modal dalam sesuatu projek	364
b. <i>Musyārakah</i> yang berakhir dengan pemilikan	365
ii. Pelaburan dalam bidang perusahaan pembuatan	369
i. Pembekalan modal kepada sub kontraktor /.....	370
ii. Jualan secara <i>murābahah</i> untuk pelanggan yang meminta bank membelikan sesuatu barang	372
10. Syarat dan <i>damān</i> dalam <i>mudārabah musytarakah</i>	374

a. Syarat	374
b. <i>Damān</i> dalam <i>mudārabah musytarakah</i>	376
11. Jaminan kawalan modal <i>mudārabah musytarakah</i>	383
a. Berhati-hati dan mempelbagaikan pelaburan	384
b. Menyertai insurans mutual	384
c. Mewujudkan galakan	389
 BAB VI	
MUDĀRABAHDALAM INSTITUSI KEWANGAN	
DI MALAÝSIA	
A. Produk Berasaskan <i>Mudārabah</i> Yang Diluluskan Oleh Bank Negara	394
a. Akaun Pelaburan Am Al-Mudharabah	395
b. Akaun Pelaburan Khas Al-Mudharabah	396
c. Pembiayaan Projek	396
d. Instrumen Deposit Boleh Niaga Secara Islam	397
B. <i>Mudārabah</i> Antara Institusi dan Bon Mudharabah	
Cagamas	398
a. <i>Mudārabah</i> antara institusi	398
1. Pelaburan Antara Bank	398
2. Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam (IICCS)	400
b. Bon Mudharabah Cagamas	400
C. Institusi Kewangan Yang Memakai Kaedah <i>Mudārabah</i>	401
1. Bank Islam Malaysia Berhad	401
1.1. Deposit yang berdasarkan <i>mudārabah</i>	402
i. Akaun Simpanan Mudharabah	403
ii. Akaun Simpanan Untuk Remaja dan Kanak-kanak	404
iii. Akaun Simpanan Pelaburan	405

iv. Akaun Pelaburan Khas	406
v. Akaun Pelaburan Sakinah	407
vi. Deposit Bolch Niaga Secara Islam (INID)	407
1.2. Penggunaan dana	409
i. Pembiayaan Tanah, Rumah dan Kenderaan	410
ii. Pembiayaan Komputer Peribadi.....	411
iii. Pembiayaan Umrah , Ziarah dan Pelancungan	412
iv. Pembiayaan Peribadi dan Kemudahan Overdraft	412
v. Pembiayaan Barang Pengguna dan Peralatan	413
vi. Skim Ar Rahnu	414
2.1 Pembiayaan Perdagangan	415
a. Surat Kredit di bawah prinsip <i>al-wakalah</i> , <i>al-musyarakah</i> <i>dan al-murabahah</i>	415
i. Surat Kredit Al-Wakalah	416
ii. Surat Kredit Al-Musyarakah	416
iii. Surat Kredit Al-Murabahah	417
b. Surat Jaminan	418
c. Pembiayaan Modal Kerja Al-Murabahah	418
d. Sekuriti dan Bil Penerimaan Islam (Pembelian)	419
e. Sekuriti dan Pembiayaan Eksport	420
2. Syarikat Takaful Malaysia (STMB).....	422
2.1. Perkaitan antara takaful dan <i>mudarabah</i>	423
I. Takaful Am.....	425
II. Takaful Keluarga	427
III. Pemegang Syer	436

2.2. Bidang pelaburan STMB.....	438
2.3. Agihan keuntungan kepada peserta Takaful	438
a. Takaful Am.	438
b. Takaful Keluarga.....	440
2.4. Kelayakan menerima agihan keuntungan <i>mudārabah</i>	443
3. Bank Rakyat	444
3.1 Pengenalan	444
3.2. Penerimaan dana <i>mudārabah</i>	445
i. Mudharabah Khas	445
ii. Mudharabah Am.	446
3.3 . Pembiayaan pelanggan	447
3.3. Bidang pelaburan	447
4. Lembaga Tabung Haji	449
4.1. Latar belakang penubuhannya	449
4.2. Jenis deposit.....	451
4.3. Pelaburan LTH	452
4.4. Instrumen pelaburan Islam yang digunakan dalam LTH	452
5. Perwira Affin Bank	453
5.1 . Sumber dana <i>mudārabah</i>	454
5.2 . Penggunaan dana <i>mudārabah</i>	455
D. <i>Mudārabah</i> Dipakai Dalam Transaksi Yang Terjamin	456
PENUTUP.....	463
BIBLIOGRAFI	478

LAMPIRAN

1. Kedudukan <i>Mudārabah</i> Dalam Mu'amalah	501
2. Kedudukan <i>Mudārib</i>	503
3. Bentuk-bentuk Hubungan Antara Pihak Yang Berkontrak.....	504
4. <i>Mudārabah Musytarakah</i> : Model Sami Ḥamūd	507
5. Kontrak <i>mudārabah</i> dalam Institusi Kewangn di Malaysia.....	508
6. Sikap Berhati-hati dan Berwaspada BIMB Dengan Syarat-syarat Yang Ketat Dalam Mengeluarkan Pembiayaan : Suatu Pendekatan Yang Tidak Boleh Berlaku Dalam Kontrak Pembiayaan Secara <i>Mudārabah</i>	509

SENARAI SINGKATAN

AP	- Akaun Peserta
AKP	- Akaun Khas Peserta
AWM	- Akaun Waqaf Ma'asyi
BIMB	- Bank Islam Malaysia Berhad
BNM	- Bank Negara Malaysia
h.	- halaman
H.	- Hijrah
IABS	- Islamic Acceptance Bills
Ibid	- In the same place/ di tempat yang sama
IICCS	- Islamic Interbank Cheque Clearing
IIMM	- Islamic Interbank Money Market
INID	- Islamic Negotiable Instrument of Deposit
Infra	- Di bawah
J	- Jilid
KLIA	- Kuala Lumpur International Airport
L.T.H	- Lembaga Tabung Haji
L.U.T.H	- Lembaga Urusan Dan Tabung Haji
MII	- Mudharabah Interbank Investment
MPS	- Majlis Penasihat Syariah
NIDC	- Negotiable Islamic Debt Certificate
PAB	- Perwira Affin Bank
op. cit	- Operate citato/ dalam karya tersebut

Sdn . Bhd	- Sendirian Berhad.
SPI	- Skim Perbankan Islam
SPK	- Syarikat Permodalan Kebangsaan
SPTF	-Skim Perbankan Tanpa Faedah
STMB	- Syarikat Takaful Malaysia Berhad
Supra	- Di atas
tah.	- tahqiq
t.t.	- tanpa tarikh
UIA	- Universiti Islam Antara Bangsa
UiTM	- Universiti Teknologi Mara
UKM	- Universiti Kebangsaan Malaysia
Vol	- Volume / Jilid
YPEIM	- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

**SENARAI PERKATAAN ARAB YANG TIDAK
DITERJEMAHKAN**

'āmil	- pekerja/pengusaha
qamān	- ganti rugi
fāsid / fasad	- rosak
fiqh	- ilmu mengenai perundangan Islam
fuqahā'	- ulama' fiqh
ḥajr	- sekatan ke atas seseorang daripada mengurus harta
hibah	- pemberian
ibdā'	- memperniagakan modal milik orang lain tanpa sebarang ganjaran.
ijāb	- tawaran
ijārah	- sewa
ijmā'	- persetujuan para ahli ilmu
ji'ālah	- upah yang diberikan kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan hingga selesai.
lāzim	- mengikat
mudārib	- peniaga/ pengusaha
mukallaf	- baligh dan berakal
mumayyiz	- kanak-kanak yang sudah tahu membezakan antara yang baik dengan yang tidak baik.
musāqāt	- perjanjian (kontrak) untuk menjaga/ menyiram pokok

nasi'ah	- tangguh
qard	- penyerahan harta kepada seseorang untuk dimanfaatkan dan penerima harta itu dikehendaki mengembalikan gantiannya.
qayyid	- sekatan
qiyās	- analogi
rukhsah	- keringanan
syarīkah	- syarikat
syi'ār	- lambang
sīghah	- pernyataan
tabarru'	- sukarela
ta'fiq	- penggantungan
ta'yin	- penentuan / jelas
taqrīr	- pengakuan
thunā'iyyah	- dua pihak
thulāthīyyah	- tiga pihak
'urf	- 'adat / kebiasaan

SISTEM TRANSLITREASI

Perkataan-perkataan Arab yang di gunakan dalam kajian ini adalah mengikut system transliterasi berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ة	h
ص	š	ء	,
ض	đ	ي	y

Vokal Panjang

ا : ā
ي : ī
و : ū
ؤ :

Vokal Pendek

----- Fathah ----- : a
----- Kasrah ----- : i
----- Dammah ----- : u

Diftong

Fathah + ya ي - ----- : ay
Fathah + waw و - ----- : aw

PENDAHULUAN

Mudārabah sebagai satu kaedah mengurus perniagaan dengan modal yang dibekalkan oleh pihak yang mempunyai lebihan harta kepada pihak yang berupaya memperniagakan modal berkenaan, untuk mencari keuntungan bagi faedah kedua belah pihak. Kaedah ini dapat membantu golongan yang mempunyai lebihan wang tetapi tidak berkemahiran, tiada keupayan atau tiada kesempatan untuk bertindak sendiri melabur modal yang ada dalam tangannya. Orang-orang yang mempunyai kesempatan dan kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan sama ada dalam perniagaan, perusahaan pembuatan, pertanian dan sebagainya yang menghadapi masalah ketiadaan atau kekurangan modal boleh mengatasi masalah mereka dengan mendapatkan modal melalui kaedah *mudārabah*. Kegiatan mengurus perniagaan secara *mudārabah* ini boleh membantu mengatasi masalah pengangguran. Kewujudan perniagaan dan perusahaan hasil dari kontrak *mudārabah* ini boleh menghasilkan pekerjaan-pekerjaan yang boleh membantu ahli masyarakat mendapatkan pekerjaan untuk menyara hidup. Wujudnya pekerjaan dengan pendapatan yang mencukupi membantu mengatasi masalah kemiskinan di samping meningkatkan daya beli anggauta masyarakat. Dengan itu akan menambah peluang perniagaan yang lebih luas kepada penduduk di sesuatu tempat di mana aktiviti perniagaan secara *mudārabah* itu berlaku.

Kaedah perniagaan secara *mudārabah* juga boleh mengatasi masalah harta modal daripada terbiar beku di tangan pemiliknya tanpa dilibatkan dalam pembiayaan aktiviti ekonomi. Wang yang berlebihan atau disimpan secara

sedikit-sedikit di tangan pemilik-pemiliknya tidak seharusnya dibiarkan di tangan mereka tanpa digerakkan untuk faedah pemiliknya dan masyarakat. Mengeluarkan harta daripada terbukti dalam simpanan pemiliknya dan dilibatkan dalam aktiviti ekonomi dengan menggunakan kaedah *muḍārabah* iaitu dengan berbagi keuntungan antara pemilik modal dan pengusaha adalah suatu usaha yang murni. Ini sesuai dengan kehendak Islam yang menekankan supaya harta kekayaan tidak hanya beredar di kalangan orang kaya sahaja. Dengan memperniagakan harta itu secara *muḍārabah* bererti harta itu akan berkembang melalui perolehan keuntungan. Dalam harta yang berkembang itu akan wujud bahagian untuk golongan yang berusaha memperniagakannya, tidak hanya menjadi milik tuan punya modal. Sekaligus harta itu turut dimiliki dan dimanfaatkan bersama oleh golongan lain selain dari pemilik asal harta berkenaan. Kaedah pengurusan perniagaan secara *muḍārabah* ini juga membuka peluang kepada golongan yang tidak berharta tetapi rajin bekerja dan mahir dalam mengurus perniagaan untuk memiliki harta sendiri melalui usaha memperniagakan harta milik orang lain dengan cara berkongsi untung. Dengan berlakunya kontrak *muḍārabah* antara pemilik modal dan pengusaha dengan sendirinya pembekuan harta yang dilarang oleh Islam dapat diatasi.

Muḍārabah sebagai suatu alat menggerakkan aktiviti ekonomi masyarakat didapati masih praktikal sekalipun ianya suatu bentuk pengurusan perniagaan yang telah diamalkan sejak beribu tahun sebelum kerasulan Muḥammad s.‘a.w. Oleh kerana pada masa kini aktiviti ekonomi selalunya memerlukan kepada modal dalam skala yang besar, ia memerlukan penggembelingan modal dari berbagai-bagai golongan masyarakat. Biasanya

modal yang besar jumlahnya adalah terkumpul di dalam bank dan institusi kewangan yang lain. Oleh kerana wang dalam bank adalah kepunyaan pemegang syar'ah bank berkenaan dan juga wang deposit para pelanggannya, maka pengambilan modal *muḍārabah* daripada bank bererti mendapatkan modal perniagaan milik orang ramai, bukan milik individu tertentu. Dalam perkara menguruskan agihan modal *muḍārabah* milik orang ramai oleh bank kepada *mudārib* pengusaha yang ramai jumlahnya adalah sukar bagi bank untuk mempastikan kesungguhan dan keamanahan *mudārib* dalam melaksanakan kerja mengurus perniagaan *muḍārabah* berkenaan. Ini kerana kontrak *muḍārabah* adalah kontrak amanah tanpa apa-apa tanggungan kewangan boleh dibebankan kepada *mudārib* jika berlaku kerugian. Pelbagai tindakan oleh *mudārib* yang oportunis boleh berlaku. Antaranya mereka boleh membiarkan projek perniagaan mereka terbengkalai jika mereka menghadapi kesulitan melaksanakannya kerana mereka tidak menanggung risiko kewangan dengan kegagalan projek berkenaan. Mereka juga boleh menaikkan kadar upah kepada pekerja-pekerja terutama jika pekerja-pekerja terlibat adalah keluarga atau sanak saudara *mudārib* sendiri. Ini boleh menjadikan keuntungan berkurangan. Mereka juga boleh menaikkan kos pengurusan yang lain seperti menyewa bangunan, kenderaan dan kelengkapan pejabat yang mahal.

Dengan kemungkinan-kemungkinan ini diadpati kurang praktikal bagi bank dan institusi kewangan menyerahkan modal kepada pelanggan untuk melakukan perniagaan dengan memakai kaedah *muḍārabah*. Jika kontrak *muḍārabah* dilakukan juga dalam keadaan sedemikian bererti memperjudikan harta amanah pelanggan di tangan *mudārib* yang tidak diketahui kesanggupannya menanggung tugas melaksanakan amanah memperniagakan

modal berkenaan. Apakah faktor ini yang menyebabkan institusi kewangan sama ada bank atau bukan bank di Malaysia hanya bersedia menerima deposit secara *mudārabah* tetapi kurang bersedia membekalkan wang kepada pelanggan secara *mudārabah*? Dengan demikian tidak memungkinkan institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia untuk menjadi suatu ianstitusi yang boleh menjadi tempat pergantungan umat Islam untuk mendapatkan modal perniagaan secara *mudārabah*.

Dalam kajian ini rujukan mengenai kegiatan pengurusan perniagaan secara *mudārabah* dibuat dengan mengkaji amalan para sahabat Rasul Allah s. a. w. melalui kitab-kitab tafsir al-Quran, hadith dan sejarah. Manakala rujukan yang lebih terperinci tertumpu kepada kitab-kitab *fīqh*. Oleh kerana kajian hanya ditumpukan kepada hukum *fīqh* mengenai *mudārabah* dalam mazhab *Sunnī* sahaja, maka rujukannya juga hanya dibuat ke atas kitab *fīqh* dalam mazhab-mazhab *Sunnī* iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Ḥanbali, di samping penulisan para ahli perundangan Islam semasa berkaitan dengan *mudārabah*. Dalam penelitian terhadap kitab-kitab *fīqh* lama mengenai *mudārabah*, didapati *fuqahā'* semua mazhab *Sunnī* telah menyentuh berbagai aspek berhubung dengan peraturan yang perlu diikuti dalam memperniagakan harta modal secara *mudārabah*. Hampir kesemua mereka meyentuh tentang rukun *mudārabah*, walaupun mereka berbeza pendapat dari segi apa yang dianggap rukun dalam kontrak berkenaan.

Selain dari itu perkara yang menjadi perbincangan mereka berkisar mengenai persoalan syarat-syarat mengenai setiap rukun *mudārabah*, tindakan pengurusan yang boleh dilakukan oleh *mudārib*, hak saraan *mudārib* dalam harta *mudārabah*, larangan bermudārabah dengan barang, pembahagian

untung dan tanggungan kerugian, agihan keuntungan yang diperoleh daripada harta modal yang didapati secara berhutang, penarikan balik sebahagian daripada modal oleh pemiliknya, kerosakan atau kehilangan harta *mudārabah* di tangan *mudārib*, kesan-kesan *mudārabah* yang dibuat secara *mutlaq* dan *muqayyad* ke atas tindakan pengurusan *mudārib* dan kedudukan *mudārabah* dalam mu'amalah kchartaan. Mereka juga membicangkan tentang *mudārabah* yang *fāsid* dan bagaiman sesuatu kontrak *mudārabah* itu boleh menjadi *fāsid* dan kesan *mudārabah* yang *fāsid* ke atas kedua belah pihak yang berkontrak.

Dalam membuat penyelidikan ke atas pemakaian *mudārabah* sebagai satu kaedah mengurus perniagaan oleh institusi kewangan, bank dan bukan bank. Dalam perkara ini, kaedah utama yang digunakan ialah melalui soal selidik dalam bentuk temu bual dengan personel (pegawai) yang secara langsung terlibat dengan membuat dasar atau dalam pelaksanaan urusniaga secara *mudārabah* di institusi berkenaan. Penelitian juga dibuat melalui penganalisaan ke atas Laporan-laporan Tahunan institusi berkenaan dan buku-buku yang secara langsung yang diterbitkan oleh Bank Negara, Bank Islam dan institusi-institusi lain yang berkaitan yang menyentuh tentang penggunaan kaedah *mudārabah* dalam urusan kewangan. Penelitian juga dibuat ke atas jadual pembiayaan yang dibuat dalam Bank Islam' dan bank SPI yang berkaitan yang menggunakan kaedah *mudārabah* berbanding dengan penggunaan instrumen kewangan Islam yang lain.

Tujuan kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih jelas tentang kontrak *mudārabah* iaitu mengenai konsep dan kesesuaianya untuk diguna pakai dalam pengurusan perniagaan moden. Juga untuk meneliti permasalahan yang wujud dalam pelaksanaannya dalam institusi kewangan, bank dan bukan

bank di Malaysia; mendapatkan kepastian mengenai punca-unca mengapa kontrak *mudārabah* kurang dipakai dalam pembekalan modal kepada pelanggan oleh institusi kewangan di Malaysia. Sedangkan kontrak *mudārabah* merupakan satu formula yang boleh membantu menyelesaikan masalah masyarakat dari segi mendapatkan keperluan modal yang bersesuaian dengan kehendak syari'ah bagi yang memerlukannya dan mendapatkan orang yang boleh menguruskan perniagaannya bagi golongan yang tidak berkeupayaan untuk bertindak sendiri memperniagakan modal miliknya.

Mengenal pasti dan cuba mencari jawapan kepada beberapa permasalahan yang menjadi sebab kepada berlakunyakekangan ke atas pemakaian *mudārabah* dalam pembekalan modal, antaranya ialah ketiadaan jaminan (*damān*) dari pihak *mudārib* ke atas keselamatan modal *mudārabah* yang diserahkan kepadanya; tiada hak campur tangan dalam pengurusan oleh pemilik modal. Bukan sahaja dalam *fiqh* pengawasan dan campur tangan dalam kerja-kerja pengurusan *mudārib* tidak diharuskan, malah dalam Akta Bank Perdagangan juga campur tangan atau penyeliaan oleh pihak bank ke atas peminjam tidak dibenarkan. Namun jika campur tangan atau penyeliaan boleh dilakukan oleh pemilik modal, timbul pula masalah lain iaitu dari segi kos yang bertambah yang terpaksa ditanggung oleh pemilik modal. Semua kos penyeliaan adalah ditanggung oleh pemilik modal secara percuma, tanpa sebarang pulangan. Ini memungkinkan keuntungan boleh didapati di pihak *mudārib* sahaja. Sedangkan keuntungan untuk pemilik modal akan berkurangan dan mungkin habis digunakan untuk menampung kos pengawasan yang telah dibelanjakan olehnya.

Ketiadaan jaminan keselamatan modal ini menjadikan kedudukan bank konvensional lebih terjamin dalam persaingan antara bank, kerana bank konvensional dalam meminjamkan, memberi hutang modal kepada pengusaha bukan sahaja terjamin dari segi mendapatkan balik modal berkenaan malahan terjamin juga dari segi mendapat pulangan ke atas modal yang mereka keluarkan dalam bentuk *intrest*. Ini bererti dari segi persaingan untuk terus wujud dan beroperasi bank konvensional lebih terjamin berbanding dengan bank yang menggunakan kaedah *mudārabah* dalam menyediakan perkhidmatan pembiayaan pelanggan.

Dari segi skopnya, kajian ini dibuat meliputi aspek-aspek hukum *fiqh* mengenai *mudārabah* daripada pelbagai mazhab *fiqh* Sunnah dan pemakaianya dalam institusi kewangan yang berupa bank atau bukan bank di Malaysia. Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Dalam bab pertama, kajian dibuat bermula dengan melihat kepada istilah *mudārabah* itu sendiri, iaitu dari segi bagaimana perkataan *mudārabah* boleh digunakan untuk merujuk kepada kontrak pembekalan modal dalam perniagaan. Demikian juga dengan istilah *qirād*, ia juga merujuk kepada makna yang sama. Mengkaji latar belakang sejarah pemakaian *mudārabah* dalam transaksi kehartaan di kalangan umat Arab sebelum dan setelah kedatangan Islam; falasafah atau rasionalnya *mudārabah* untuk kebajikan manusia. Dalam bab ini juga dibincangkan tentang pembinaan kontrak *mudārabah* iaitu dari syarat dan rukun dan syarat-syarat kepada setiap rukun berkenaan.

Dalam bab kedua berbincangan tertumpu kepada hukum *mudārabah* iaitu mengenai kedudukan kontrak *mudārabah* sebagai suatu kontrak yang tidak *lāzim* (mengikat) dan kesan yang wujud daripada kontrak berkenaan dari

segi tindakan yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan oleh *mudārib* dan pemilik modal. Perbincangan mengenai hukum *mudārabah* dalam bab ini meliputi hukum-hukum yang sah dan yang *fāsid* serta kedudukan *mudārabah* dalam mu'amalah sama ada ia berada dalam dalam kategori *syarikah* atau *ijārah*.²

Dalam bab ketiga, perbincangan dibuat meliputi perkara-perkara yang berkait dengan jumlah orang atau pihak yang boleh terlibat antara kedua belah pihak yang berkontrak iaitu pemilik modal dan *mudārib*, *mudārabah* tiga pihak iaitu *mudārabah* berlapis yang berlaku dua kali ke atas satu-satu harta modal di mana *mudārib* yang menerima modal itu menyerahkan pula modal berkenaan kepada *mudārib* lain untuk dipermiagakan. Dalam bab ini juga tinjauan dibuat dari segi kerja-kerja yang boleh dilakukan untuk melaburkan harta *mudārabah* dan *muqārabah* dalam industri pembuatan barang. Mengkaji tentang bagaimana dan bila keuntungan *mudārabah* boleh diagharkan dan agihan keuntungan ke atas harta modal yang diperolehi oleh *mudārib* secara berhutang. Selain dari itu, bab ini juga membicarakan persoalan *damān* (jaminan ganti rugi) dalam *mudārabah*. Iaitu hukum *fiqh* mengenai *damān* *muqārabah*, kesan pengenaan syarat *damān* ke atas *mudārib* dalam kontark *muqārabah*, keadaan di mana *mudārib* dikehendaki menaggung *damān* dan *damān* oleh *mudārib* secara sukarela. Seterusnya meneliti kepada beberapa cadangan untuk menetapkan kadar keuntungan *muqārabah*, jaminan sukarela oleh pihak ketiga ke atas harta modal dan *damān* daripada *mudārib* *musytarak*. Akhir sekali dalam bab ini disentuh tentang helah untuk mengenakan *damān* ke atas *mudārib*. Dalam bahagian ini kajian dibuat terhadap cara bagaimana

ahli-ahli *fiqh* membina hukum *fiqh* di atas asas helaht dalam *mudārabah* dan seterusnya memberi komentar terhadap helaht-helaht berkenaan.

Dalam bab keempat penelitian dibuat terhadap cara menyelesaikan pertikaian antara pemilik modal dan *mudārib* sewaktu kontrak *mudārabah* hendak ditamatkan. Perbincangan di sini meliputi penyelesaian terhadap pertikaian mengenai jumlah modal, kadar keuntungan, sifat modal, dari segi khusus dan umumnya kontrak berkenaan. Dalam bab ini juga dibincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembubaran *mudārabah* meliputi pembubaran yang dibuat dengan kehendak salah satu pihak dan pembubaran yang berlaku secara terpaksa iaitu disebabkan oleh kematian mana-mana pihak yang berkontrak, gila, rosak harta modal *mudārabah*, pemilik modal murtad, dikenakan *hajr* (sekat pengurusan harta) dan bankrap dan berakhirnya tempoh masa yang ditentukan sesuatu kontrak *mudārabah*.

Dalam bab lima, tinjauan dibuat terhadap kesesuaian *mudārabah* untuk digunakan dalam institusi kewangan Islam semasa, sama ada bank atau bukan bank. Untuk tujuan berkenan, penelitian dibuat ke atas pandangan golongan ilmuwan yang beranggapan *mudārabah* boleh menjadi alternatif menggantikan pinjaman secara riba di bank-bank konvensional. *Mudārabah* boleh digunakan sebagai alternatif dalam mekanisme pembekalan modal. Dalam kontrak *mudārabah* yang berlaku di institusi kewangan, hubungan yang berlaku antara pemilik modal dan bank sama seperti hubungan antara pemilik modal dan *mudārib* di mana boleh berlaku pemilik modal yang ramai jumlahnya menyerahkan modal kepada bank sebagai *mudārib*. Manakala hubungan bank dengan pelanggan yang mendapatkan modal daripadanya sama seperti pemilik modal dan *mudārib*. Bank ketika itu berperanan sebagai

pembekal modal. Dalam bab ini juga tinjauan dibuat ke atas pelaksanaan *mudārabah* yang dibuat secara berlapis dan berterusan. Dari segi teorinya untuk melaksanakan *mudārabah* secara berlapis iaitu dengan *muḍārib* (bank) menyerahterahkan modal secara *mudārabah* juga kepada *muḍārib* pengusaha, ia hanya sesuai dilakukan dalam *mudārabah musytarakah* iaitu *mudārabah* tiga penjuruh yang melibatkan kumpulan pemilik modal dan *muḍārib* yang ramai dengan bank sebagai *muḍārib* pengantara. Dalam masa yang sama *muḍārib* pengantara juga bertindak sebagai pemilik modal. Penelitian juga dibuat ke atas *damān* dalam *mudārabah musytarakah* serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga keselamatan modal *mudārabah*.

Dalam bab yang keenam, bab terakhir dalam kajian ini meninjau tentang pemakaian kontrak *mudārabah* dalam institusi kewangan semasa di Malaysia. Oleh kerana semua institusi kewangan khasnya bank adalah tertakluk di bawah pengawasan Bank Negara. Semua produk kewangan termasuk produk kewangan secara Islam yang digunakan oleh mana-mana institusi kewangan berkenaan, khususnya bank tertakluk kepada kelulusan Bank berkenaan. Lebih daripada dua puluh produk kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara termasuk empat daripadanya berasaskan *mudārabah*. Penelitian khusus dibuat kepada setiap produk kewangan yang berasaskan kontrak *mudārabah*. Dalam bab ini tinjauan dibuat ke atas beberapa institusi kewangan, bank dan bukan bank iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Affin Bank, Bank Rakyat dan Lembaga Tabung Haji. Tujuannya adalah untuk melihat setakat mana *mudārabah* dapat dilaksanakan dalam institusi kewangan berkenaan, dan bagaimana institusi kewangan semasa itu dapat mengendalikan pembiayaan kewangan dengan

menggunakan kontrak *muđārabah* dalam keadaan *muđārabah* itu sendiri lebih bersifat kontarak amanah, tanpa apa-apa tanggungan kewangan dikenakan ke atas pihak yang memperolehi modal daripadanya serta pendakatan yang dibuat oleh institusi berkenaan bagi menghadapinya.

Kajian ini juga untuk mengenal pasti keupayaan doktrin *fīqh* mengenai kontrak *muđārabah* sebagaimana yang telah dibincangkan serta diberikan panduan mengenainya oleh *fūqahā'* daripada pelbagai mazhab *Sunnī*, dari segi keboleh gunaannya dalam pelaksanaan pengurusan perniagaan moden. Penelitian kepada persoalan ini dirasakan penting kepada umat Islam dalam usaha mencari penyelesaian kepada masalah mencari alternatif Islam untuk menggantikan produk kewangan moden yang berjalan berdasarkan kontrak riba.

Dengan meluasnya pemakaian kontrak *muđārabah* dalam institusi kewangan dan Takaful ternyata bahawa *muđārabah* sebagai suatu kontrak membekalkan modal dan berkongsi untung antara pemilik modal dan pengusaha masih relevan untuk dipakai kembali di zaman ini. Dalam pelaksanaannya modal masih boleh didapati daripada pembekalnya melalui kontrak jenis ini, di mana bank-bank, baik Bank Islam ataupun bank-bank SPI memperolehi modal perniagaan daripada pelanggan mereka melalui deposit yang dibuat dengan menggunakan kontrak *muđārabah*. Dari aspek ini ternyata kontrak *muđārabah* berjaya dilaksanakan. Aktiviti ini dipercayai akan terus bertahan selagi bank-bank berkenaan masih berupaya memberi keyakinan kepada orang ramai tentang keselamatan modal milik mereka dan berupaya menwarkan keuntungan yang munasabah kepada pelaburan mereka. Ini bermakna dari aspek pengambilan deposit oleh bank daripada para pelanggannya, kontrak *muđārabah* berjaya dilaksanakan dengan baik. Tetapi

dalam perkara untuk membekalkan modal yang diperlukan melalui deposit dalam pelanggan itu tidak pula dapat dilakukan secara *mudārabah*. Kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan mengapa Bank Islam mahupun bank-bank SPI tidak begitu berminat dan amat berhati-hati untuk membekalkan modal kepada pengusaha dalam bentuk kontrak *mudārabah*.

Dalam bahagian penutup, penulis mengemukakan kesimpulan secara menyeluruh hasil kajian ini dan mengemukakan pandangan dalam bentuk rumusan mengenai pelaksanaan kontrak *mudārabah* dalam institusi kewangan di Malaysia. *Mudārabah*, dalam kerangka yang terpakai dalam institusi kewangan di Malaysia di mana ia tarlaksana diperingkat pengambilan deposit sahaja, manakala dalam penggunaan dana tidak pula berlaku penggunaan kontrak *mudārabah* secara menyeluruh. Maka dalam bahagian ini (penutup), penulis mengemukakan pandangan peribadi mengenai amalan penggunaan dana sedemikian, khususnya berkait dengan jaminan sukarela oleh pihak bank, penentuan keuntungan berasaskan peratusan daripada modal dan hak institusi kewangan untuk meminta pihak *mudārib* yang ingin mendapatkan modal *mudārabah* supaya mengemukakan penjaminan untuk memastikan bahawa wang modal *mudārabah* yang dibekalkan oleh institusi berkenaan dapat dikembalikan jika wang itu rosak atau hilang kerana kecuaian atau salah laku *mudarib*. Pada pandangan penulis larangan ke atas perkara-perkara berkenaan perlu dinilai semula berasaskan bentuk kontrak yang berlaku.